# REMPUHAN BOLA SEPAK INDONESIA

## Tiket terlebih jual

Kapasiti Stadium: **38,000**

Tiket sudah dijual: **42,000**

## Jadual Perlawanan

Laporan media Indonesia mendakwa polis mahu perlawanan bermula pada 3.30 petang waktu tempatan bagi mengelakkan sebarang insiden keselamatan atau tidak diingini yang lebih berkemungkinan berlaku semasa perlawanan pada lewat malam.



Stadium Kanjuruhan

## BAGAIMANA TRAGEDI BERLAKU

**1 Peminat memberikan reaksi terhadap kekalahan**

- Kali pertama dalam tempoh 23 tahun Arema FC tewas di tempat sendiri di tangan Persebaya Surabaya
- Peminat turun ke padang, ada yang marah, ada yang mahu hanya berjabat tangan dengan pemain Arema



**2 Ketegangan memuncak**

Polis cuba memaksa peminat kembali ke kawasan yang dikepung, menolak mereka dengan belantan dan perisai rusuhan

**3 Gas pemedih mata dilepaskan**

Garis panduan Fifa melarang penggunaan gas oleh polis untuk mengawal orang ramai



**4 Panik berlaku**

Rempuhan berlaku di sekurang-kurangnya satu pintu; ramai mangsa terpijak atau tercekik sehingga mati

**5 Pergaduhan berterusan di luar**

Penyokong yang melarikan diri, menerbalik dan membakar kenderaan polis sebagai tindakan balas dendam




**6 Akibatnya**

Ramai mangsa mengalami trauma, sesak nafas dan kekurangan oksigen

## GAS PEMEDIH MATA

**Apakah itu** Ia juga dikenali sebagai agen kawalan rusuhan. Sebatian kimia yang merengsakan mata, kulit, mulut, tekak dan paru-paru sehingga orang tidak dapat berfungsi dengan normal

### Kesan pada tubuh manusia

**Gejala yang boleh dirasai oleh mangsa sejurus selepas terdedah:**



**Kulit**
- Melecur dan ruam

**Hidung**
- Rasa terbakar
- Hidung berair
- Bengkak

**Mulut**
- Rasa terbakar
- Air liuh meleleh dan susah telan

**Mata**
- Kemerahan dan rasa terbakar
- Mata pedih berlebihan dan penglihatan kabur

**Paru-paru**
- Rasa sesak dada
- Batuk dan rasa tercekik
- Semput dan sesak nafas

**Kesan teruk yang boleh berlaku selepas pendedahan berpanjangan atau pendedahan kepada dos berlebihan gas pemedih mata – terutamanya dalam kawasan tertutup:**

- Buta
- Glaukoma – keadaan mata yang serius yang boleh menyebabkan buta
- Kematian akibat luka kebakaran kimia yang teruk pada tekak dan paru-paru
- Kegagalan pernafasan yang boleh mengancam nyawa

### Apa yang perlu dilakukan jika terdedah kepada gas pemedih mata

- Berlari ke kawasan tinggi kerana awan wap tumpat berada dekat dengan kawasan rendah
- Tanggalkan pakaian anda dengan cepat dan buangnya
- Bilas mata anda dengan air dan basuh kulit dengan sejumlah besar sabun dan air

Sumber: AFP, REUTERS, JABATAN KESIHATAN & PERKHIDMATAN MANUSIA AS
Foto-foto: REUTERS, EPA-EFE, GOOGLE MAPS GRAFIK BERITA HARIAN